

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

**From:** Pusat Budaya dan Seni -PBS  
**Sent:** Sunday, August 6, 2017 3:46 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** HEP: Bidasari Martabat Seni Tari Di Medan Indonesia



**“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

**06 OGOS 2017, AHAD | 13 ZULKAEDAH 1438H**



Universiti Utara Malaysia (UUM) meneruskan tradisinya dengan menyertai Karnival Varsity IMT-GT Kali Ke-19 bertempat di Universitas Sumatera Utara (USU), Indonesia. Karnival yang berlangsung pada 5 hingga 10 Ogos 2017 ini merangkumi tiga kategori iaitu budaya, sukan dan seminar.

Pusat Budaya dan Seni (PBS) telah mempersiapkan satu kumpulan tari yang terdiri daripada penari-penari Kelab Tarian Bidasari. Seramai 16 orang penari telah terpilih bagi menggalas cabaran untuk mengangkat nilai dan martabat kebudayaan dan kesenian Malaysia di mata dunia.

Menurut Pengarah PBS Huzaidy Hussain, penganjuran karnival kali ini sangat bermakna kerana ia menjadi landasan terbaik bagi mengenengahkan kebudayaan serta kesenian tempatan untuk dihayati oleh masyarakat luar.

“Karnival ini bertepatan dengan realiti kehidupan sekarang yang mana setiap negara mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza dari segi sosial, politik dan ekonomi, justeru perbezaan tersebut tidak perlu dijadikan alasan untuk masyarakat memilih hidup secara berasingan dan bersendirian.

Menurutnya lagi, karnival ini juga boleh dijadikan sebagai pentas untuk menyatukan semua orang menerusi pelbagai acara ditawarkan tanpa mengira latar belakang agama, keturunan, kepercayaan dan batasan yang boleh menghalang interaksi antara satu sama lain.

“Selain itu, ia juga dapat meningkatkan pengetahuan mahasiswa terhadap kebudayaan dan kesenian serantau dan seterusnya berperanan sebagai sumber pendidikan ke arah membentuk masyarakat berbudaya khususnya generasi muda”, katanya lagi.

“Bukan hanya untuk keseronokan semata-mata tetapi apa yang paling penting sebagai mahasiswa yang terlibat saya merasakan program seperti ini secara tidak langsung dapat menanamkan semangat jati diri dan cintakan seni warisan negara.” ujarnya.

Persembahan unik Tarian Tanaman Orang Asli dari kumpulan Bidasari telah berjaya menarik perhatian dan mendapat pujian hadirin. Hadir sama memeriahkan majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof. Dr. Abdul Malek Abdul Karim.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL : 04-928 4215

FAKS : 04-928 4222

EMAIL : [pbs@uum.edu.my](mailto:pbs@uum.edu.my)

WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



AACSB  
ACCREDITED



ASSOCIATION  
AMBA  
ACCREDITED



STARS  
RATED FOR EXCELLENCE  
2012

AUN-QA  
All Teaching Quality



BETA  
GAMMA  
SIGMA



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.